Langkah 7: Masukkan ukuran Lebar Transek, nombor lalai ialah 2. Kemudian tekan 'NEXT' untuk pergi ke paparan berikutnya.



Langkah 8: Masukkan Jumlah Individu yang menjalankan tinjauan ke atas transek itu. Angka ini mesti selalu **2** (catatan: 2 adalah tetapan lalai pada aplikasi ODK). Kemudian tekan 'NEXT' untuk pergi ke paparan berikutnya.



Langkah 9: Adakah terdapat Garisan Tanda Sampah yang nyata atau dominan?

Jika tiada Garisan Tanda sampah yang nyata, pilih 'No' dan tekan 'NEXT' untuk pergi ke paparan berikutnya.




Transect

Obvious debris line

Yes

No

Jika terdapat satu Garisan Tanda Sampah yang nyata, pilih 'Yes' dan tekan 'NEXT' untuk pergi ke paparan yang berikutnya. Aplikasi ODK akan meminta anda untuk memasukkan jarak sepanjang pita ke Garisan Tanda Sampah (kepada .10 yang paling hampir dalam satu meter: contoh, 2.5m atau 3.0m).




Transect

Distance to dominant debris line (m)

Distance from water edge to major debris line (in meters) at time of survey

5

Langkah 10: Pilih Cerun Tanah di mana transek dijalankan (cth., perbezaan ketinggian daripada awal hingga akhir transek). Kemudian, tekan 'NEXT' untuk pergi ke paparan berikutnya.



Transect

Gradient

Difference in elevation from start to end of transect

0 - 5 cm (flat, no difference)

5 - 50 cm (ankle to knee)


50 - 100 cm (knee to hip)

100 - 150 cm (hip to chest)

150 - 180 cm (chest to head)

> 180 cm (above head)

Langkah 11: Pilih Jenis Substrat daripada pilihan yang diberikan. Anda hanya boleh memasukkan satu jawapan untuk setiap tapak, jadi jika terdapat lebih dari satu, pilih jawapan yang DOMINAN. Kemudian tekan 'NEXT' untuk pergi ke paparan berikutnya.



Transect

* Coastal substrate type

Predominant type

Mud

Sand

Pebble/Gravel

Cobble


Boulders

Rock slab

Cement

Coral

Langkah 12: Pilih Warna Substrat daripada pilihan yang diberikan. Sila ambil perhatian bahawa ini ialah warna atau tanah, dan bukan vegetasinya. Anda hanya boleh memasukkan satu jawapan untuk setiap tapak, jadi jika terdapat lebih dari satu, pilih jawapan yang DOMINAN. Kemudian tekan 'NEXT' untuk pergi ke paparan berikutnya.



Transect

* Substrate colour

Predominant colour of substrate (not vegetation)

White/Cream

Yellow

Orange

Brown

Black

Grey

Red

Langkah 13: Pilih Pesisir Belakang yang paling sesuai. Kemudian tekan 'NEXT' untuk pergi ke paparan berikutnya.

Langkah 14: Pilih Bentuk Garisan Pesisir dalam jarak 25 meter daripada mana-mana sisi kawasan transek yang anda jalankan. Sebuah 'Serokan/Teluk' adalah bulat dengan bahagian tepi yang kelihatan seperti satu senyuman 😊. 'Straight' bermaksud pesisiran pantai di mana anda berada dan di mana-mana sisi anda sepanjang 25 meter di setiap arah ialah agak lurus dan lazim. Satu 'Headland' bermaksud anda berada di satu kawasan yang berbentuk wajah yang berkerut dahi – iaitu berlawanan dengan satu serokan atau senyuman 😞. Apabila selesai, tekan 'NEXT' untuk pergi ke paparan berikutnya.

Langkah 15: Pilih Aspek yang paling sesuai bagi tapak sungai tersebut – iaitu arah yang anda pandang apabila anda berhadapan dengan air. Tekan 'NEXT' untuk pergi ke paparan berikutnya.

Langkah 16: Jika terdapat sebarang bukti Pembuangan Sampah yang Nyata telah berlaku di lokasi transek, sila nyatakan Jenisnya dengan memilih mana-mana pilihan yang diberikan berikut. Anda boleh memilih lebih dari satu pilihan jika perlu. Kemudian tekan 'NEXT' untuk pergi ke paparan berikutnya.

Anda boleh pilih 'Other' dan tekan 'NEXT' untuk menaipkan jawapan yang berlainan daripada pilihan yang diberikan. Kemudian tekan 'NEXT' untuk pergi ke paparan berikutnya.

Jika tiada sebarang pembuangan sampah yang nyata, pilih 'None' dan tekan 'NEXT' untuk pergi ke paparan berikutnya.

Langkah 17: Perhatikan Bukti Kegiatan yang Baru Berlaku dalam kawasan transek dan pilih daripada pilihan yang diberikan. Anda boleh pilih lebih dari satu pilihan jika perlu. Kemudian tekan 'NEXT' untuk pergi ke paparan berikutnya.



Langkah 18: Jika anda ada sebarang Komen tambahan, sila taipkan pada bahagian yang disediakan dan tekan 'NEXT' untuk pergi ke paparan berikutnya.

Langkah 19: Masukkan Nama Pertama dan Nama Keluarga bagi individu yang mencatatkan data. (Jika ini ialah anda, masukkan nama anda). Kemudian tekan 'NEXT' untuk pergi ke paparan berikutnya.


Langkah 20: Masukkan Nama Pertama dan Nama Keluarga bagi individu yang meninjau/memerhatikan transek tersebut. Kemudian tekan 'NEXT' untuk pergi ke paparan berikutnya.

Langkah 21: Untuk memasukkan Lokasi Permulaan Transek, pilih bar biru 'Start GeoPoint'. Ini akan memberikan bacaan satelit secara automatik, dan akan memakan masa beberapa minit. Sebaik sahaja ralat berada di bawah 5m, ia akan berhenti secara automatik. Jika ia tidak sampai ralat di bawah 5m dalam tempoh yang bersesuaian, anda boleh tekan butang 'Save GeoPoint' apabila bacaannya di bawah 10m. Kemudian tekan 'NEXT' untuk pergi ke paparan berikutnya.

Langkah 22: Pilih Masa anda memulakan transek. Untuk ini, pilih bar biru 'Select time' dan leretkan nombor-nombor ke atas atau ke bawah untuk melayari masa yang betul. Pastikan anda pilih AM atau PM dengan betul. Kemudian tekan 'NEXT' untuk pergi ke paparan berikutnya.



Langkah 23: Ambil gambar yang menunjukkan permulaan pita transek, sambil memandang hujung pita transek. Tekan 'OK' pada gambar tersebut jika anda berpuas hati dengannya, kemudian tekan 'NEXT' untuk pergi ke paparan berikutnya. (Anda akan diberi pilihan untuk mengambil satu lagi gambar jika ada sebarang perkara yang menarik di atas transek seperti sampah yang dibuang atau objek yang menarik perhatian.)





Sekarang kita teruskan ke bahagian untuk merekodkan/mencatatkan item-item sampah. Setiap transek dibahagikan kepada lajur 10 untuk tujuan rekod. Aplikasi ODK akan membimbing anda dalam merekodkan maklumat sampah dalam lajur 1 hingga 10.


Langkah 24: Adakah terdapat sub-sampel bagi transek ini? Sub-sampel berlaku apabila terdapat terlalu

banyak item sampah di sepanjang transek untuk dikira dengan tepat. Apabila menjalankan sub-sampel, ada akan kira peratusan item sampah di sepanjang transek.

Jika anda dan rakan anda akan menjalankan sub-sampel, tekan 'Yes'. Kemudian tekan 'NEXT' dan masukkan peratusan (%) setiap jarak lajur di sepanjang transek yang anda akan tinjau. Ini ialah Peratusan (%) yang telah disub-sampel.



Jika anda tidak akan menjalankan sub-sampel, pilih 'No' dan tekan 'NEXT' untuk pergi ke paparan berikutnya.



Langkah 25: Lajur 1: Adakah terdapat sebarang sampah di lajur ini? Aplikasi ODK akan memberikan anda ukuran untuk Lajur 1. Dalam contoh di bawah, ia dari 0 (permulaan transek) hingga 2.5m sepanjang pita transek.

Jika tidak terdapat sebarang sampah, pilih 'No'. Kemudian tekan 'NEXT' untuk pergi ke paparan bagi Lajur 2.

Jika ada sampah, pilih 'Yes'. Satu lagi senarai jantai bawah akan muncul dan anda perlu memasukkan maklumat tentang item sampah (termasuk di mana ia berada di sepanjang transek, jenis sampah dan item, sama ada item tersebut penuh atau ia telah terlerai menjadi cebisan dan saiz item sampah tersebut). Gunakan menu jantai bawah untuk membantu anda. Rujuk pada Carta Saiz Item (dalam Lampiran) jika anda perlu mengenal pasti Kelas-Kelas Saiz.

Aplikasi ODK akan menanyakan anda jika anda perlu menambahkan satu Item Tambahan. Gunakan ciri ini jika terdapat lebih daripada satu item sampah yang ditemui pada Lajur 1.

Jika anda temui perkara lain dalam lajur pertama, tekan 'Add'. Ini akan memberikan anda satu laman jantai bawah yang mirip laman sebelumnya. Untuk Item Tambahan, anda boleh mengumpulkan sampah

yang sama jenisnya dalam satu kumpulan. Contohnya, kalau terdapat 8 cebisan kaca lagi, anda boleh menambahkan kesemuanya di bawah satu 'Additional Item'.

Teruskan menambah item sehingga semua item dalam Lajur 1 telah dikira.

Apabila semua item telah dikira (atau jika anda tidak menemui sebarang item tambahan) tekan 'Do Not Add'. Ini akan membawa anda kepada lajur yang seterusnya sepanjang transek di mana proses yang sama diulangi.

Langkah 26: Ulang Langkah 25 untuk lajur 2 hingga 10.

Langkah 27: Sila sahkan jika anda menemui sampah atau tidak pada transek ini (hal ini nampaknya jelas, tetapi jawapan ini membantu dalam analisa statistik bagi data selepas tinjauan dibuat).

Langkah 28: Untuk memasukkan Penghujung Lokasi Transek, pilih bar biru 'Start GeoPoint'. Ini akan memberikan bacaan satelit secara automatik, ia akan memakan masa beberapa minit. Sebaik saja ralat berada di bawah 5m, ia akan berhenti secara automatik. Jika ia tidak mencecah ralat di bawah 5m, dalam masa yang sesuai, anda boleh menekan butang 'Save GeoPoint' apabila ia mencecah bacaan bawah


10m. Kemudian tekan 'NEXT' untuk pergi ke paparan berikutnya.



Transect

* Transect end location

Start GeoPoint




GETTING LOCATION

Trying to get location. Please wait.

Point will be saved at 5m
Time elapsed: 00:01
Satellites: 0

Cancel Save




GETTING LOCATION

5.1m

Improving accuracy. Please wait.

Point will be saved at 5m
Time elapsed: 00:07
Satellites: 19

Cancel Save



Transect

* Transect end location

Change Location

Latitude: S 42°53'14"
Longitude: E 147°20'20"
Altitude: 1.3m
Accuracy: 3.18m

Langkah 29: Pilih Masa transek diselesaikan. Untuk ini, pilih bar biru 'Select time' dan leretkan nombor-nombor ke atas atau ke bawah untuk melayari masa yang betul. Pastikan anda pilih AM atau PM dengan betul. Kemudian tekan 'NEXT' untuk pergi ke paparan berikutnya.




Transect

* Transect end time

Select time

No time selected



Select time


1 38 AM

2 39 PM

3 40

CANCEL OK

Langkah 30: Ambil gambar yang menunjukkan penghujung transek yang telah anda selesaikan, sambil memandangi hujung pita transek. Tekan 'OK' pada gambar tersebut jika anda berpuas hati dengannya, kemudian tekan 'NEXT' untuk pergi ke paparan berikutnya. (Anda akan diberi pilihan untuk mengambil satu lagi gambar jika ada sebarang perkara yang menarik di atas transek seperti sampah yang dibuang atau objek yang menarik perhatian.)



Transect


* Transect end photo 1

Taken from transect end point looking to transect start point

Take Picture

Choose Image

Langkah 31: Anda telah menyelesaikan transek tersebut! Tandakan kotak biru dan tekan 'Save Form and Exit'.



You are at the end of Transect.

Inland Transect: TEST -1

Mark form as finalized

Save Form and Exit

Langkah 32: Anda akan perhatikan bahawa borang anda yang telah lengkap berada pada tab 'Edit Saved Form' anda. Tekan tab ini dan semak semua maklumat adalah betul. Kemudian tekan 'Go to End'. Sila pastikan anda tandakan kotak biru tersebut dan tekan 'Save Form and Exit'.


Langkah 33: Borang itu akan berada dalam tab 'Send Finalized Form' anda. Apabila anda tersambung pada internet pada kali berikutnya, borang itu akan dimuat turun secara automatik dan akan berada dalam tab 'View Sent Forms' anda. Anda tidak boleh mengemas kini borang itu lagi.

Catatan: pada tahap ini, jika anda perlu mengubah apa-apa maklumat yang telah anda masukkan, anda perlu menghantar e-mel kepada TJ di tj.lawson@csiro.au.


12 Maklumat tambahan tentang penggunaan ODK

Mengemas kini borang ODK yang telah disimpan

Pilih pilihan menu dan pilih 'Edit Saved Form'.




Borang-borang anda yang telah disimpan akan dipaparkan di atas skrin dalam bentuk senarai. Anda boleh aturkan borang dengan menekan ikon yang mempunyai tiga tanda selang di bahagian atas kanan skrin. Pilih pilihan 'Sort' yang diinginkan daripada senarai yang dipaparkan.



Secara alternatif, anda boleh mencari mana-mana borang dengan menekan ikon 'Search' di bahagian atas kanan skrin. Dalam bar gelintar, taipkan jenis atau nama tapak, atau jenis atau nama transek dan pilih borang yang diinginkan daripada senarai yang disenaraikan.


Apabila anda telah memilih borang yang ingin anda kemas kini, anda akan diberikan satu senarai semua maklumat yang telah dimasukkan.



Dua pilihan dipaparkan di bahagian bawah skrin. 'Go to Start' akan membawa anda ke permulaan borang, dan 'Go to End' akan membawa anda ke penghujung borang. Sebagai pilihan lain, anda boleh menatal naik atau ke bawah laman tersebut dan klik pada maklumat yang ingin anda kemas kini.


Apabila anda mula mengemas kini maklumat dalam borang itu, guna pilihan 'NEXT' atau 'BACK' untuk melayari maklumat. Jika anda menekan ikon 'Anak Panah' anda akan melihat senarai semua maklumat yang telah dimasukkan.

Anda boleh menyimpan borang yang telah anda kemas kini dengan memilih ikon 'Save' di bahagian atas kanan skrin (apabila berada dalam paparan borang), atau dengan menekan 'Go to End' dan memilih bar biru 'Save Form and Exit' di penghujung borang. Perhatikan di sini anda mempunyai pilihan untuk menandakan borang sebagai selesai dengan menandakan atau memadamkan tanda pada kotak di sebelah 'Mark form as finalized'.



Sebaik sahaja borang anda disimpan, anda akan dibawa kembali ke laman utama. Ambil perhatian

bahawa jika anda keluar daripada borang tanpa simpan, satu kotak akan muncul untuk membenarkan anda menyimpan atau mengabaikan perubahan. Jika ini berlaku, pilih pilihan yang diperlukan oleh anda dan anda akan dibawa kembali ke laman utama.




Melihat borang ODK yang telah dihantar

Catatan: sebaik sahaja borang telah dilengkapi dan dihantar, anda TIDAK boleh mengemas kini borang itu lagi.

Baca pilihan menu dan pilih 'View Sent Form'.

Borang-borang anda yang telah disimpan akan dipaparkan di atas skrin dalam bentuk senarai. Anda boleh aturkan borang dengan menekan ikon yang mempunyai tiga tanda selang di bahagian atas kanan skrin. Pilih pilihan 'Sort' yang diinginkan daripada senarai yang dipaparkan.



Secara alternatif, anda boleh mencari mana-mana borang dengan menekan ikon 'Search' di bahagian atas kanan skrin. Dalam bar gelintar, taipkan jenis atau nama tapak, atau jenis atau nama transek dan satu senarai borang yang berpadanan dengan entri gelintar anda akan dipaparkan.

Pilih borang yang anda ingini dengan menekan tajuknya.

Untuk melihat maklumat yang terkandung dalam satu borang yang telah dihantar, pilih borang yang diinginkan daripada senarai yang dipaparkan. Anda boleh

menatal ke atas atau ke bawah dengan meleretkan paparan tersebut ke atas dan ke bawah untuk melihat semua maklumat. Sila ambil perhatian bahawa anda tidak boleh mengemas kini maklumat dalam borang apabila ia sudah dihantar.

* Site type	Inland
* Site ID code	Test4
* Transect number	4
* Number of surveyors	3
* Land use type	Park
Gradient	5 - 50 cm (ankle to knee)
Substrate colour	Brown
Vegetation height	0 - 5 cm
Bare ground percentage	0 percent
* Area surveyed percentage	100 percent
Evidence of dumping	None
Evidence of recent activities	None
Exit	

Jika anda menekan bar 'Exit' di bahagian bawah skrin, anda akan dibawa kembali ke laman utama.

13 Tinjauan pukot tunda di laut

Tidak seperti tinjauan pedalaman, sungai dan persisiran pantai, tinjauan pukot tunda di laut terdiri daripada dua bahagian. Bahagian pertama adalah menggunakan pukot tunda di atas permukaan laut daripada sebuah bot (Rajah. 12), manakala bahagian yang kedua berlaku di a ketika mengasingkan, mengira dan merekodkan debris/sampah yang dijerat oleh pukot tunda.

Tinjauan pukot tunda lazimnya dijalankan di sepanjang tiga rawai pukot tunda yang ditebarkan dari muara sungai terbesar dalam kawasan pensampelan lapangan. Setiap rawai pukot tunda mengambil masa lebih urang 3 jam dan, bersama persiapan dan masa perjalanan di antara tapak, pensampelan pukot tunda di laut lazimnya memakan masa 1.5 hingga 2 hari.



Rajah 12: Ahli pasukan mengosongkan sampel pukot tunda untuk diasingkan di darat.

Pensampelan pukot tunda perlu dijalankan semasa hari yang tenang atau tidak begitu berangin/berombak, di mana keadaan cuaca adalah sesuai bagi pengendalian pukot tunda. Jika ia terlalu berangin, atau ombak terlalu besar, pukot tunda akan terkeluar daripada air dan ini akan menyebabkan ketidaktepatan dalam pengumpulan data – serta mabuk laut!

Bot yang digunakan untuk menjalankan pensampelan data perlulah berkebolehan untuk **memantau perlahan-lahan pada kelajuan at 2-3 not**. Ia patut cukup besar untuk memuatkan tiga orang peninjau secara minimum, termasuk pemandu. Secara idealnya, ia patut mampu memuatkan satu bum untuk memegang pukot pensampelan daripada bahagian susur bot.

Satu bum sepatutnya cukup kuat untuk menahani tekanan tinggi daripada pukot yang sedang diheret menerusi air. Kami tidak memberikan sebarang bum; ia perlu dibekalkan sama ada oleh anda atau pemilik bot. Secara umumnya, lebih baik jika hal tentang keperluan bot dibincangkan secara terus dengan pegawai CSIRO.

Sila ingat bahawa mabuk laut boleh menjadi satu masalah, jadi rancang pegawai dan jadual anda secara bersesuaian.

Selepas pukot tunda diselesaikan, **sampel pukot tunda yang dikumpulkan perlu diasingkan**. Ini kerja yang teliti dan boleh memakan masa selepas pukot tunda diselesaikan, lazimnya 2 atau 3 hari lagi. Pastikan anda memberi masa untuk mengasingkan sampel-sampel pukot tunda.

13.1 Peralatan yang diperlukan

CSIRO akan membekalkan pukot tunda dan peralatan yang berkaitan dengannya yang diperlukan untuk pensampelan pukot tunda di laut, tapi ia ialah tanggungjawab hos organisasi untuk **mengaturkan bot** dan memberikan peralatan lain. Sila hubungi CSIRO jika anda ada sebarang soalan atau kebimbangan berkenaan peralatan. Kami memberikan satu senarai penuh tentang peralatan yang berguna untuk menjadikan prosesnya semudah dan seringkas yang mungkin.

Peralatan yang dibekalkan oleh CSIRO

Pukot tunda, rawai tunda, keroncong (X3) untuk diikatkan di hujung pukot tunda, Meter aliran (ekor yang berputar di belah kanan), apparatus sambungan meter aliran (batang dan 3 X nat).



Pukot tunda



Rawai tunda



Keroncong

x3 Tow Rope



Meter aliran



3

Peralatan yang dibekalkan oleh organisasi rakan

Equipment to take on the boat (in brief): Buckets (2-3 x 10-15 litre buckets (larger is fine)), Watertight storage jars (x27) or zip lock bags (x54 – double bagged), Permanent markers (Sharpie) and/or labels, Squeeze bottle(s), Ladle or cup, GPS, Camera, Compass, Data sheets, Clipboard, Pencil/Pen.

Equipment to use back on land in lab or sorting station (in brief): Plastic tubs (clear or white, X3 per sorting station), Tweezers, Petri dishes, Permanent marker (Sharpie), Ruler, Aluminium foil, Torch/light source, Timer, White paper.

Maklumat lanjut tentang peralatan yang dibekalkan oleh organisasi rakan

Peralatan untuk dibawa ke atas bot



Botol picit



Balang besar



Beg zip lock

- Botol picit (sekurang-kurangnya isi padu 200mL) – untuk diisi dengan air laut untuk membersihkan item sampah daripada keroncong.
- Bekas penyimpanan yang kedap air seperti balang besar atau beg *zip lock* besar (sekurang-kurangnya isi padu 1L) untuk mengisi debris/sampah (dan air laut) daripada pukat tunda. Satu bekas untuk setiap tunda x 3 tunda bagi setiap stesen, pada setiap daripada 3 rawai pukat tunda. Dengan jumlah keseluruhan sebanyak sembilan stesen merentasi tiga rawai pukat tunda, akan terdapat 27 sampel yang berbeza. Jika menggunakan beg *zip lock*, ketebalan plastik perlu sekurang-kurangnya 0.12 mm dan perlu ada cukup beg untuk meletakkan dua keping beg bagi setiap sampel (54 cara keseluruhannya).
- Beberapa baldi air laut (2-3), sekurang-kurangnya 10L dalam isi padu.

1. Pen penanda yang boleh menandakan nombor sampel pada bekas/beg, serta label jika perlu
2. Lembaran data
3. GPS – jenis pegangan tangan atau konsol bot adalah yang terbaik, memandangkan penerimaan isyarat di tengah laut mungkin tidak membenarkan lokasi GPS yang tepat daripada telefon mudah alih.
4. Kamera – boleh digunakan pada telefon mudah alih juga
5. Kompas – konsol bot atau pada GPS pegangan tangan
6. Aplikasi Windspeed

Peralatan untuk digunakan di darat dalam makmal atau stesen pengasingan

7. Bekas pengasingan - 3 x bekas, dulang atau baldi plastik yang berwarna lut sinar, putih atau cerah.



8. Penyepit kecil/forceps – sebilah untuk setiap individu yang memproses sampel, serta satu lagi sebagai ganti. Penyepit kecil yang berbilang halus adalah ideal, dan kerap kali penggunaan dua bilah penyepit kecil menjadikan kerja pemindahan sampel daripada bekas kepada piring petri atau kerajang lebih mudah.



9. Piring petri, sekurang-kurangnya bersaiz 70 mm (dengan grid 1cm x 1cm– boleh dilukis dengan satu pen penanda tetap bermata halus)



10. Pen penanda yang boleh menandakan nombor sampel pada piring petri, dll.

11. Kerajang aluminium untuk menyimpan sampel
12. Sumber cahaya – lampu suluh dengan bateri atau telefon boleh membantu mengesan plastik dalam sampel
13. Penentu masa – anda boleh menggunakan penentu masa dalam telefon mudah alih anda
14. Pembaris
15. Kertas putih

Kemasukan data untuk tinjauan pukot tunda

Tidak seperti tinjauan pedalaman, sungai dan persisiran pantai, kita masih menggunakan borang kertas untuk merekodkan data pukot tunda. Kita telah meninjau dengan menggunakan ODK untuk merekodkan data pukot tunda, tetapi kami dapati borang kertas adalah lebih mudah. Hal ini kerana, apabila memulakan pukot tunda, banyak data direkodkan pada satu-satu masa, selalunya oleh pelbagai individu. Penggunaan borang elektronik secara berturutan pada masa ini adalah mencabar, lalu borang kertas digunakan dan anda akan menemuinya di penghujung bahagian ini.

13.2 Metodologi


Metodologi pensampelan pukot tunda merangkumi langkah-langkah yang perlu diambil sebelum meninggalkan darat, cara untuk mengenakan pukot tunda permukaan dan menyimpan debris/sampah marin yang telah dikumpulkan (jika ada). Kemudian kaedah tentang bagaimana untuk mengasingkan dan mengira item yang telah dikumpulkan. Kaedah ini dibahagikan kepada bahagian-bahagian berikut:

- Keperluan untuk kapal tinjauan
- Memilih lokasi untuk pensampelan pukot tunda
- Sebelum meninggalkan darat
- Di atas kapal
 - Memasang peralatan pukot tunda
 - Melaksanakan setiap pukot tunda
 - Skala laut – Carta nombor Beaufort
- Sampel-sampel pengasingan di darat

Keperluan untuk kapal/bot tinjauan

Bot yang digunakan untuk pensampelan pukot tunda perlu berkebolehan untuk memacu pada 2-3 not dan berjalan sekurang-kurangnya 12-15 batu nautika ke luar pesisir pantai. Ia perlu cukup besar untuk memuatkan tiga orang peninjau secara minimum termasuk seorang pemandu. Secara ideal, ia patut memuatkan satu bum untuk memegang pukot di bahagian susur bot. Bumnya perlu cukup kuat untuk menahan tekanan yang tinggi akibat pukot yang diheret menerusi air. Anda juga memerlukan satu kaedah untuk memasang bum kepada bot, selalunya satu tali yang tebal atau pita pelekat sudah memadai. Pukot lazimnya dipasang di bahagian lindungan angin bot tersebut.

Kami cadangkan anda menghantar gambar kapal yang akan anda gunakan kepada pasukan CSIRO untuk membincangkan keperluan bum, kaedah peletakan dan pemasangan.



Rajah 13: Untuk pensampelan pukot tunda di laut, kami menjalankan pensampelan di sepanjang 3 rawai pukot tunda dengan jumlah keseluruhan sebanyak sembilan tunda di sepanjang setiap rawai pukot tunda.

Memilih lokasi untuk pensampelan pukot tunda

Penundaan dijalankan di sepanjang **tiga rawai** (rawai pukot tunda) yang disebar keluar daripada muara sungai yang terbesar yang mengalir menerusi sebuah kawasan bandar di tapak kajian. Terdapat **tiga stesen** pada setiap rawai, dengan **tiga tundaan** di setiap stesen. Anda akan kosongkan pukot selepas setiap tundaan, jadi, terdapat sembilan sampel di sepanjang setiap rawai tunda. Oleh itu, terdapat 27 kutipan tundaan/sampel secara keseluruhannya (Rajah. 13).

Rawai-rawai patut bermula 50-100m dari pesisir, dan meninggalkan ruang satu batu nautika antara titik permulaan setiap rawai. Ia patut dipusatkan di bahagian muara sungai dan tersebar keluar dari situ. Kedudukan rawai mungkin perlu diselaraskan untuk menghindari pulau atau daratan yang berdekatan. Arus dan angin akan menyebabkan lokasi pukot tunda berbeza dari rawai yang ideal. Oleh itu, **CSIRO tidak akan memberikan lokasi GPS yang tepat untuk setiap tundaan**, kerana kami faham keperluan untuk beradaptasi di lapangan. Namun, kami cadangkan anda untuk mengenal pasti kompas yang menujui arah tujuan dan pastikan bot bergerak ke arah tujuan berikut semasa setiap tundaan.

Jarak setiap tundaan adalah lebih kurang 1 batu nautika atau hampir 2km, setara dengan 10-15 minit pada 2-3 not. Berikan ruang sekurang-kurangnya 1 batu nautika (atau ~2 km) di antara hujung satu **stesen** dan awal stesen yang berikutnya. Jadi, panjang setiap rawai tunda adalah lebih kurang 12 batu nautika atau sekurang-kurangnya 22 km, tetapi akan berbeza-beza bergantung pada faktor-faktor seperti arus, masa yang diambil untuk menyediakan pukot tunda yang berikutnya dll. Tundaan yang pertama bermula sebaik sahaja tundaan yang pertama selesai, dan pasukan telah menukar keroncong. Lazimnya, terdapat sedikit ruang di antara setiap **tundaan** – cukup panjang untuk mengeluarkan dan menggantikan keroncong.

Kami faham bahawa ia bukan mudah untuk memasang rawai yang lurus pada setiap masa akibat pulau, arus, aliran bot dll. Ini ialah kaedah optimum, tapi lazimnya anda perlu mengikut keadaan setempat. Lakukan yang terbaik yang anda mampu.



Sebelum meninggalkan darat

Keluarkan kandungan beg tundaan biru dan pastikan anda mempunyai peralatan berikut: satu pukot tunda, empat bolt dan nat telinga serta tali, meter aliran dan aparatus sambungan. Sambungkan panel hitam berbentuk sayap kepada logam dengan menggunakan bolt dan nat telinga (lihat di bawah). Pastikan anda biasakan diri dengan bagaimana pukot dipasang – ia lebih mudah untuk memasang pukot di darat berbanding di laut.

Pasang pukot tunda, termasuk menambah meter aliran, dengan mengikuti gambar-gambar berikut.



Pukot tunda dikeluarkan dari rangka beg



Lipat bahagian tepi ke atas dan sematkannya

Periksa pukot jika ada lubang dan perbaikinya jika perlu. Pukot standard yang digunakan oleh CSIRO mempunyai saiz bukaan 60 cm x 22 cm, dan jaring bersaiz 330 mikron. Jika anda menggunakan pukot yang lain daripada jenis pukot yang dibekalkan oleh CSIRO, sila pastikan bahawa saiz jaringan ialah 330 mikron, dan anda merekodkan dimensi bukaan pada **Lembaran Data Tapak Pukot Tunda Permukaan dan Tundaan di Laut**. Sila pastikan juga bahawa ia boleh ditunda di permukaan dan tidak tenggelam di bawah permukaan air.

Di atas kapal

Memberikan tugas tundaan

Sebelum meletakkan pukot tunda dalam air, kami cadangkan agar pasukan **biasakan diri dengan lembaran data** dan **memberikan tugas** kerana banyak parameter perlu didapatkan dan direkodkan pada masa yang sama. Secara ideal, tugaskan dua pegawai untuk menebar dan menarik pukot— seorang pegawai akan membaca meter aliran sebelum dan selepas setiap penebaran pukot, manakala seorang lagi pegawai menukar keroncong. Anda juga akan memerlukan seorang pegawai untuk merekodkan maklumat (arah kompas, kelajuan kapal, dll. dan bertindak sebagai penjaga masa). Kami sarankan pasukan 3 hingga 5 orang untuk menjalankan tinjauan pukot tunda.

Selepas setiap pengumpulan sampel, keroncong akan perlu dikosongkan ke dalam beg/balang yang telah dilabel. Ini memerlukan anda memandang ke bawah dengan kerap dan ia satu tugas yang paling sesuai bagi seseorang yang tidak mabuk laut.

Memasang peralatan pukot tunda

Langkah 1: Sambungkan keroncong kepada pukot tunda, dengan memastikan bahawa ia bersih daripada debris/sampah. Keroncong diskru pada pukot tunda. Ia penting untuk menyambungkan keroncong dengan ketat, tetapi pastikan anda hanya **ketatkan dengan tangan** sahaja supaya anda masih boleh menukar keroncong antara tundaan.




Sambungkan keroncong pada pukot

Langkah 2: Sambungkan meter aliran pada bahagian tengah bukaan pukot dengan menggunakan nat dan batang beban yang diberikan. Setiap meter aliran mempunyai 8 nat. Satu nat patut dipasang di kedua-dua belah meter aliran untuk memastikan ia sentiasa berada di tengah batang itu. Pasangkan satu nat bertentangan bingkai dalam pukot tersebut, dan dua nat di luar bingkai, pada setiap sisi, seperti dalam gambar-gambar berikut.



Masukkan batang menerusi kepala meter aliran dan sematkan satu nat di kedua-dua sisi



Mater aliran pada kedudukan yang betul dalam bingkai pukut



Kedudukan nat pada bingkai pukut

Langkah 3: Pastikan meter aliran berputar dengan lancar dengan memastikan 'ekornya' berputar tanpa sekatan. Meter aliran menunjukkan jumlah air yang telah melalui bukaan pukut. Anda akan merekodkan nombor yang dipaparkan pada meter aliran di permulaan dan pengakhiran setiap tundaan. Nombor ini akan direkodkan 'secara berterusan.' Ini bermakna ia tidak perlu ditetapkan semula kepada 0 pada permulaan setiap tundaan. Semasa tundaan, meter aliran mungkin melepasi kiraan 99999 dan mula mengira semula lagi. Ini bukan satu masalah dan boleh diambil kira kemudiannya apabila mengira aliran keseluruhan.

Langkah 4: Sambungkan rawai tunda yang baru pada pukut dengan menggunakan belunggu D yang sudah terpasang pada bingkai pukut.



Belunggu D pada sisi pukut



Sambungkan kedua-dua hujung rawai kepada dua belunggu D

Langkah 5: Sambungkan hujung rawai tunda yang satu lagi kepada bum (Rajah 14) atau tempat pada kapal supaya ia ditunda di tepi bot dan bukan di belakang bot. Catatan: pukot patut berada di samping ot dan talinya tidak patut tersimpul. Struktur kayu hitam pukot alah bahagian atas dan patut melayap atas permukaan air.



Rajah 14: Contoh-contoh bum di bahagian susur bot untuk mengikat pukot tunda menerusi rawai tunda.

Mengendalikan setiap tundaan

Sebelum anda mengatur kedudukan pukot, isikan bahagian pertama **Lembaran Data Tapak Pukot Tunda Permukaan dan Tundaan di Laut** (Disertakan di penghujung bahagian metodologi). Ini merangkumi negara, lokasi, nombor stesen, nama dan organisasi peninjau, tarikh saiz jaringan, ukuran dan kemasinan bukaan pukot serta suhu air (jika bot mempunyai sensor yang tersedia).

Kut langkah-langkah berikut untuk setiap tundaan:

Langkah 1: Pastikan bot bergerak pada kelajuan 2-3 not (3.7 – 5.5 km/j) dan pastikan sekali lagi bahawa semua kelengkapan pukot tunda/keroncong sudah dipasang dengan betul.

Langkah 2: Sebelum memulakan pukot tunda, catatkan perkara berikut:

- Nombor 5-angka daripada meter aliran
- Keadaan laut (carta nombor Beaufort)
- Arah angin

Langkah 3: Aturkan kedudukan pukot di bahagian tepi kapal secara perlahan-lahan dan rekodkan perkara berikut:

- Latitud dan longitud permulaan dalam angka perpuluhan (dd.dddd)
- Waktu mula

CATATAN: apabila mengatur kedudukan pukot tunda, panel besar berwarna hitam pada bukaan pukot mestilah berada di bahagian atas pukot (Rajah. 15). Jika ini berada di bahagian bawah (menghadap laut) ia akan ditarik ke dasar.



Rajah 15: Panel besar yang berwarna hitam adalah di bahagian atas pukot apabila pensampelan dijalankan.

Langkah 4: Tunda pukot selama lebih kurang 10-15 minit, sambil mengekalkan kelajuan kapal pada 2-3 not. Ini akan memberikan jarak perjalanan lebih kurang satu batu nautika atau kurang sedikit daripada 2km.

Langkah 5: Tarik pukot keluar daripada air selepas 10-15 minit dan rekodkan perkara berikut

- Latitud dan longitud akhir
- Waktu tamat
- Tempoh tundaan
- Kiraan akhir meter aliran

CATATAN: satu pukot tunda yang basah adalah sangat berat. Sila berhati-hati ketika mengangkatnya keluar daripada air dan elakkan kecederaan.

Langkah 6: Pastikan bot menghala arah tujuan yang sama pada kelajuan yang sama di sepanjang rawai tunda yang sama (sambil anda menyediakan kelengkapan pukot tunda/keroncong untuk tundaan yang berikutnya). Keluarkan keroncong dan letakkan di dalam baldi, gantikan dengan satu lagi keroncong yang bersih

Langkah 7: Letakkan pukot kembali ke dalam air untuk tundaan kedua, dengan merekodkan semua maklumat

Langkah 8: Sementara tundaan ke-dua sedang dijalankan, cuci kandungan tundaan pertama di dalam sebuah baldi dengan menggunakan air laut (di sini, botol picit dan/atau jag adalah berguna). Pastikan anda cuci keroncong dengan menyeluruh untuk mengeluarkan semua debris/sampah, memandangkan sebarang sampah yang tinggal akan mengkontaminasikan sampel berikutnya. Kosongkan kandungan baldi ke dalam balang simpanan atau beg *zip lock* (jika menggunakan beg *zip lock*, pastikan anda masukkan beg pertama ke dalam beg kedua untuk memastikan tiada kebocoran berlaku). Penapis boleh membantu anda mengasingkan semua item sampah tanpa memungut semua air laut. **Labelkan balang/beg *zip lock* dengan nombor stesen dan nombor tundaan** (cth., S1T1, S1T2, S1T3 dll.).



Keroncong dicuci di dalam baldi, baldi dilabel dengan S1T1 memaksud Stesen 1, Tundaan 1.

Langkah 9: Ulang langkah-langkah 1 hingga 8 untuk tundaan 2 dan 3.

Langkah 10: Ulang langkah 1 hingga 9 untuk stesen 2 dan 3 di sepanjang rawai tunda yang sama. Pastikan anda sudah bergerak 1 batu nautika di antara penghujung satu stesen dan permulaan stesen yang berikutnya (tiada masa berhenti diperlukan di antara tundaan).

Langkah 11: Ulang langkah 1 hingga 10 bagi setiap daripada tiga rawai tundaan.


CATATAN: Pengasingan sampel pukot tunda berlaku di darat, bukan di atas bot.

Mengasingkan sampel di darat

MUSTAHAK: Sebaik saja anda kembali ke darat, cuci semua peralatan pukat tunda dengan menyeluruh dengan air tawar dan biarkan ia kering sebelum menyimpankannya di dalam beg.

Kami meminta ahli pasukan agar mempunyai tiga 'pandangan' yang berbeza di setiap sampel tundaan, setiap ahli dipisahkan oleh waktu rehat yang singkat kerana mata kita menjadi letih bila kita melihat satu perkara yang sama untuk tempoh yang terlalu lama. Data dari setiap satu direkodkan secara berasingan pada lembaran data.

Langkah 1: Dengan menggunakan pen penanda kekal dan pembaris, lukis satu grid 1 cm x 1 cm di bahagian bawah piring petri plastik yang lut sinar. Item debris/sampah akan diletakkan di atas piring ini, dan grid akan membolehkan kita mengangkar saiz setiap item daripada gambar.



Piring petri dengan grid 1 cm x 1 cm

Langkah 2: Tuangkan kandungan Stesen 1 Tundaan 1 ke dalam bekas plastik lut sinar, pastikan air bilasan juga masuk ke dalam bekas.




Menuangkan kandungan sampel pukat tunda ke dalam bekas pengasingan

Langkah 3: Tetapkan jam pemasa dan cari sampah di dalam bekas pengasingan selama 15 minit. Keluarkan sebarang bahan semula jadi atau organik seperti rumpai laut dll. daripada baldi, pastikan tiada cebisan debris/sampah yang terlekat kepada bahan organik tersebut. Jika terdapat tahap sampah yang tinggi, anda mungkin perlu menjalankan sub-sampel.

Langkah 4: Dengan menggunakan penyepit logam kecil, keluarkan semua cebisan debris/sampah yang anda nampak (dengan menggunakan cahaya semula jadi) dan letakkannya di atas piring petri bergrid.



Mengeluarkan item debris/sampah dengan menggunakan penyepit kecil



Debris/sampah diletakkan di atas piring petri bergrid

Langkah 5: Selaraskan debris/sampah pada **Lembaran Data Pengumpulan/Pengasingan Pukat Tunda Permukaan di Laut** (dimasukkan di penghujung bahagian kaedah ini). Rekodkan nama pemerhati bagi setiap pengasingan dan jalankan pemerhatian dan rekod secara bergilir-gilir.

***** Selepas meluangkan sekurang-kurangnya 15 minit bagi pengasingan pertama, rehat sebentar *****

Langkah 6: Jalankan pengasingan kedua selama 15 minit bagi kandungan tudaan yang **sama** dengan mengulang langkah 3 hingga 5. Tambah sebarang cebisan debris/sampah baru yang ditemui ke dalam piring petri yang sama.

***** Rehat sebentar *****

Langkah 7: Lakukan pengasingan ketiga selama sepuluh minit ke atas kandungan tudaan yang **sama**, tetapi kali ini gunakan sumber cahaya yang baik (jika ada) untuk mencari sebarang sisa debris/sampah yang tinggal.

Langkah 8: Jika anda menemui apa-apa yang anda tidak pasti, perhatikan di bawah mikroskop pembelahan (jika ada). Jika ragu-ragu, masukkannya sebagai item debris/sampah.

Langkah 9: Sebaik sahaja anda selesaikan tiga pengasingan anda untuk kandungan/sampel tudaan yang sama atau jika piring petri penuh, letakkan piring di atas sehelai kertas putih dengan nombor stesen, nombor tudaan dan tarikh yang ditulis di atasnya. Ambil gambar piring dan maklumat stesen tersebut, kemudian letakkan kandungan piring petri tersebut ke dalam kerajang aluminium yang telah dilipat dalam bentuk sampul surat.

Langkah 10: Dengan menggunakan pen penanda kekal, labelkan kertas kerajang dengan maklumat berikut:

- a. Negara
- b. Nombor stesen
- c. Nombor tuda
- d. Tarikh



Amalan terbaik bagi melabelkan sampel

Langkah 11: Ulang langkah 1 hingga 10 untuk semua 27 sampel tunda yang telah dipungut.

Lembaran Data Tapak Pukat Tunda Permukaan dan Tundaan di Laut

BUTIRAN STESEN			
Negara			
Lokasi			<i>(cth. nama sungai, kota terdekat, dll.)</i>
Nombor Stesen			
Nama dan Organisasi Peninjau			
Tarikh <i>(tempatan; hh/bb/tttt)</i>			
Jenis pukat			
Saiz jaringan pukat			
Ukuran bukaan pukat			
Kemasinan <i>(jika diketahui, ppt)</i>		Suhu permukaan laut (°C)	

BUTIRAN TUNDA			
Nombor tunda	1	2	3
Kelajuan angin <i>(sebenar, kn)</i>			
Arah angin <i>(darjah)</i>			
Latitud mula <i>(perpuluhan)</i>			
Longitud mula <i>(perpuluhan)</i>			
Waktu mula <i>(tempatan / UTC)</i>			
Kiraan awal meter aliran			
Latitud akhir <i>(-S)</i>			
Longitud akhir <i>(E)</i>			
Waktu akhir <i>(tempatan / UTC)</i>			
Kiraan akhir meter aliran			
Kelajuan purata kapal <i>(tanah, kn)</i>			
Arah purata kapal <i>(darjah)</i>			
Purata kedalaman <i>(tempatan, m)</i>			

Catatan			
----------------	--	--	--

Lembaran Data Pengumpulan/Pengasingan Pukat Tunda Permukaan di Laut

Negara									
Lokasi (<i>cth. nama sungai, kota terdekat, dll</i>)									
Nombor stesen									
Data Pengumpulan	Asingkan tiga pengasingan bagi setiap sampel dalam kotak yang disediakan								
Nombor tunda	1			2			3		
Diasingkan oleh (nama)									
Nombor pengasingan	1	2	3	1	2	3	1	2	3
Waktu pengasingan bermula									
Waktu pengasingan berakhir									
Jumlah masa pengasingan									
Plastik keras									
Plastik lembut									
Rawai/serat plastik									
Busa / Styrofoam									
JUMLAH PLASTIK									
Butiran gambar									
Catatan									

14 Lampiran

Carta Saiz Serpihan Marin

Carta ini patut digunakan sebagai panduan untuk menganggarkan saiz sampah marin semasa peninjauan.

Segi empat-segi empat di bawah mewakili kelas saiz yang berbeza-beza. Untuk menganggarkan kelas saiz, tentukan dalam segi empat manakah yang muat bagi ukuran terpanjang objek tersebut. Objek patut diukur di mengikut ukuran penjuru.

1 = 0–1 cm²

2 = 1–2 cm²

3 = 2–4 cm²

4 = 4–8 cm²

5 = 8–16 cm²


6 = 16–21 cm²

7 = >22 cm²



7 (*lebih besar daripada muka surat*)

6 (*keseluruhan muka surat*)



Senarai Item Serpihan Marin

Kategori	Kod	Item
Plastik Keras	H1	Paip/PVC
Plastik Keras	H2	Botol minuman <1 L
Plastik Keras	H3	Botol lain
Plastik Keras	H4	Penutup/tudung botol
Plastik Keras	H5	Bekas makanan
Plastik Keras	H6	Perkakas/pinggan/mangkuk
Plastik Keras	H7	Baldi/tong
Plastik Keras	H8	Pemetik api
Plastik Keras	H9	Tidak diketahui/lain-lain
Plastik Keras	H10	Tidak diketahui/plastik keras lain
Plastik Lembut	S1	Beg plastik nipis
Plastik Lembut	S2	Pembungkus/label makanan
Plastik Lembut	S3	Kepingan penutup
Plastik Lembut	S4	Cawan/penutup
Plastik Lembut	S5	Straw
Plastik Lembut	S6	Tidak diketahui/plastik nipis lain
Plastik Lembut	S7	Beg plastik lain
Tali plastik	BP1	Tali nipis/tali/reben
Tali plastik	BP2	Tali bungkusan
Tali plastik	BP3	Pengikat kabel
Tali plastik	BP4	Tidak diketahui/tali lain
Logam	M1	Paip
Logam	M2	Wayar
Logam	M3	Aerosol
Logam	M4	Tin minuman
Logam	M5	Tin makanan/tin
Logam	M6	Penutup/tudung
Logam	M7	Bungkusan makanan
Logam	M8	Kerajang aluminium
Logam	M9	Baldi/tong
Logam	M10	Tidak diketahui/logam keras lain
Logam	M11	Tidak diketahui/logam lembut lain
Kaca	G1	Botol minuman
Kaca	G2	Balang
Kaca	G3	Glob ringan/tiub
Kaca	G4	Tidak diketahui/kaca lain
Getah	R1	Selipar/kasut
Getah	R2	Tayar
Getah	R3	Belon
Getah	R4	Getah pengikat
Getah	R5	Tidak diketahui/lain-lain
Kain	C1	Tali nipis/tali/pengikat
Kain	C2	Pakaian/tuala
Kain	C3	Kain mengelap/kain lain

Kategori	Kod	Item
Kayu	T1	Kayu/balak
Kayu	T2	Perkakas/batang makanan
Kayu	T3	Gabus botol
Kayu	T4	Palet
Kayu	T5	Tidak diketahui/lain-lain
Busa	D1	Bekas makanan
Busa	D2	Cawan/pinggan/mangkuk
Busa	D4	Polistirena
Busa	D5	Tidak diketahui/lain-lain
Kertas	P1	Rokok/putung
Kertas	P2	Kertas/kadbod
Kertas	P3	Majalah/surat khabar
Kertas	P4	Beg
Kertas	P5	Kotak
Kertas	P6	Bekas makanan/kotak
Kertas	P7	Bungkusan makanan/beg
Kertas	P8	Bekas minuman
Kertas	P9	Cawan
Kertas	P10	Pinggan/mangkuk
Kertas	P11	Tidak diketahui/lain-lain
Perikanan	F1	Pukat
Perikanan	F2	Tali pancing
Perikanan	F3	Umpan pancing
Perikanan	F4	Boya/pelampung
Perikanan	F5	Batang pijar
Perikanan	F6	Mata kail/batu ladun
Perikanan	F7	Tidak diketahui/lain-lain
Pelbagai	Z1	Bateri
Pelbagai	Z2	Bata/simen
Pelbagai	Z3	Permaidani
Pelbagai	Z4	Seramik
Pelbagai	Z5	E-sisa
Pelbagai	Z6	Perabot
Pelbagai	Z7	Alat-alat
Pelbagai	Z9	Bahagian kereta yang besar
Pelbagai	Z10	Bahagian bot yang besar
Pelbagai	Z11	Beg/kotak/sisa
Lain-lain	O1	Lain-lain (nyatakan)
Lain-lain	O2	Lain-lain (nyatakan)
Lain-lain	O3	Lain-lain (nyatakan)
Lain-lain	O4	Lain-lain (nyatakan)
Lain-lain	O5	Lain-lain (nyatakan)

Kain	C4	Bahan penebat/isi			
Kain	C5	Tidak diketahui/lain-lain			